

28 DISEMBER 2017

Penagih dadah dihantar pesantren jalani pemulihan



Abdul Azeez bersama pelajar yang menerima sumbangan persekolahan pada Majlis Penyampaian Pakaian Seragam Sekolah dan Gunting Rambut Parlimen Baling di Pulai, semalam.

Penagih dadah dihantar pesantren jalani pemulihan

Baling: Penagih dadah yang dikenal pasti di daerah ini akan dihantar ke Indonesia bagi menjalani proses pemulihan, dalam usaha mencapai sifar penagih semula di sini.

Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan termasuklah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), pejabat daerah, guru dan masyarakat.

Katanya, masalah utama

di Baling adalah aktiviti air ketum dan hidu gam sehingga memular ke sekolah apabila dijual semurah RM5.

“Mula tahun depan, kita perangi musuh nombor satu negara iaitu dadah habis-habisan di daerah ini supaya generasi muda tidak terpengaruh.

“Kita akan menghantar penagih yang dikenal pasti ke pusat pemulihan di Indonesia seperti pesantren yang terletak di Bandung dan Surabaya untuk proses pemulihan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyampaian Pakaian Seragam Sekolah dan Gunting Rambut Parlimen Baling di Dewan Kompleks Rakan Muda Batu 42, Pulai, di sini, semalam.

Cari pekerjaan sesuai
Abdul Azeez berkata, selepas golongan itu pulih, pihaknya akan mencari pekerjaan bersesuaian di daerah lain bagi memberi peluang kepada mereka memulakan kehidupan baharu.